

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 ( 55 )

5 Disember 2021  
30 Rabiulakhir 1443

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 51/2021

### **PENAMBAHBAIKAN PROSES KERJA PERMOHONAN PERISYTIHARAN HARTA BAGI STAF YANG GAGAL MEMBUAT PERISYTIHARAN HARTA**

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil. 21/2021 bertarikh 17 November 2021 dan Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib (Perisytiharan Harta) Bil. 2/2021 bertarikh 24 Oktober 2021 **bersetuju meluluskan** Penambahbaikan Proses Kerja Permohonan Perisytiharan Harta Bagi Staf Yang Gagal Membuat Perisytiharan Harta.

2. Namun begitu, penguatkuasaan **mekanisme sedia ada** akan terus diberi penekanan iaitu:
  - (i) Tidak Diluluskan Pengesahan Dalam Perkhidmatan;
  - (ii) Tidak Layak Memohon Kenaikan Pangkat; dan
  - (iii) Tidak Layak Memohon Persaraan Pilihan
  
3. Penambahbaikan proses kerja **mekanisme baharu yang akan dilaksana** iaitu:
  - (i) Staf baharu dalam tempoh percubaan dan yang tidak mengemukakan perisytiharan harta, tidak akan dibenarkan untuk menyertai kursus-kursus wajib untuk pengesahan jawatan seperti:
    - (a) Program Transformasi Minda (PTM);
    - (b) Sijil Eksekutif Pendidikan Tinggi (SEPT) bagi gred 41 dan ke atas;
    - (c) Kursus *Baseline Competencies for Differentiated Career Path* (BC4DCP) bagi staf akademik; dan
    - (d) Tidak dibenarkan menduduki Peperiksaan Perkhidmatan (jika berkaitan).
  - (ii) Staf yang tidak mengisytiharkan harta tidak akan dibenarkan untuk memohon geran penyelidikan dengan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).
  - (iii) Staf yang tidak membuat perisytiharan harta selepas diberikan tiga (3) kali surat peringatan, rekod staf perlu dibawa ke Jawatankuasa Tatatertib Staf; dan

- (iv) Pegawai Penilai bagi Penilaian Prestasi Tahunan staf berkenaan perlu telus dalam pemberian markah memandangkan berlaku ketidakpatuhan kepada peraturan ditetapkan iaitu mempertimbangkan supaya markah penilaian diberi adalah kurang dari 60%.
- (v) Tiga (3) kategori staf dibawah adalah diingatkan untuk mengisi Pengisytiharan Harta **juga tertakluk kepada ketetapan peraturan di atas:**
  - (a) **Kategori 1:** Staf yang tidak pernah langsung mengisi pengisytiharan harta (staf yang baharu lapor diri);
  - (b) **Kategori 2:** Staf yang telah diluluskan pengisytiharan harta pada tahun 2016 perlu membuat pengisytiharan harta semula (tempoh sah laku setiap pengisytiharan harta adalah lima (5) tahun); atau
  - (c) **Kategori 3:** Staf yang telah mengisi pengisytiharan harta tetapi belum lengkap/ perlu maklumat tambahan (berstatus *draft/ correction* urus setia/ *correction* pegawai urus setia/ *correction* urusetia tatatertib)

4. Adalah menjadi tanggungjawab semua staf untuk membuat permohonan perisytiharan harta sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima (5) tahun. Tempoh ini dikira berdasarkan Tarikh terakhir kelulusan Perisytiharan Harta tersebut. Implikasi bagi staf yang gagal membuat perisytiharan harta adalah seperti Perkara 3.


5. Sehubungan dengan itu, Pemakaian Pekeliling Pentadbiran Bil. 6/2020 dan Pekeliling Pentadbiran Bil. 15/2021 yang menangguhkan pergerakan gaji tahunan bagi staf yang gagal membuat perisytiharan harta adalah dimansuhkan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)**

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah Pusat Penyelidikan - Kampus Pagoh
  - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

GA/zo